



Semua Pelajar Berdaftar  
Program Prasiswazah Eksekutif  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)  
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2024/2025**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2024/2024 bagi Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) akan diadakan pada **30 Jun hingga 20 Julai 2025**.

2. Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak melalui sistem SMPE mulai **9 Jun hingga 20 Julai 2025**. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.**

3. Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila hubungi Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan di dalam kampus sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang bentuk nota (**digital/fizikal**) **KECUALI** dengan kebenaran pensyarah dan **telefon bimbit/ smart watch** adalah **DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**MUHAMMAD HANIQ MD YAZID**  
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100